

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sipitang atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Mengenai persoalan tentang langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mendapatkan semula bot-bot nelayan Malaysia yang dirampas pihak berkuasa Indonesia, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama semua agensi Kerajaan yang berkaitan telah berusaha sedaya upaya untuk menangani isu ini melalui saluran diplomasi dalam usaha untuk membebaskan kapal nelayan Malaysia serta nelayan yang ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia.

3. Antara langkah-langkah diplomasi yang telah dijalankan termasuklah oleh YB Menteri Luar Negeri sendiri yang telah membangkitkan perkara ini secara peribadi dalam satu pertemuan dengan Menteri Luar Negeri Indonesia semasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ke-13 di Turki baru-baru ini

4. Lanjutan daripada arahan YB Menteri Luar Negeri, Duta Besar Malaysia ke Indonesia juga telah membangkitkan perkara ini dengan Kementerian Luar Negeri Indonesia. Perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Kementerian Luar Negeri, Malaysia dengan wakil Kedutaan Besar Indonesia di Kuala Lumpur baru-baru ini.

5. Satu mesyuarat yang dianggotai oleh Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia, Kementerian Luar Negeri Indonesia serta agensi Indonesia lain yang berkaitan telah juga berlangsung baru-baru ini bagi membincangkan mengenai perkara ini dengan lebih lanjut.

6. Lawatan konsular juga telah dilaksanakan oleh Pejabat Konsulat Malaysia di Pekanbaru untuk memastikan kebajikan nelayan tersebut terjaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kes penyalahgunaan oleh pemilik Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang menyewakan kepada warga asing.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksana “Ops Sejahtera Komuniti” di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) secara bersepadu dengan kerjasama daripada Pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Operasi ini memfokuskan kepada tiga aspek iaitu penyewaan kepada pihak ketiga, tunggakan sewaan dan salah guna kegunaan perumahan kepada tujuan lain.

Sehingga kini, sebanyak 4 program operasi dilaksanakan iaitu di:-

- (i) PPR Jalan Segindai, Sabah pada 5 Mac 2016;
- (ii) PPR Pudu Ulu, Kuala Lumpur pada 2 April 2016;
- (iii) PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah pada 24 April 2016; dan
- (iv) PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru pada 7 Mei 2016.

Hasilnya, sebanyak 68 unit kediaman yang telah dikenal pasti menyewakan unit mereka kepada pihak ketiga. Kementerian dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tidak akan berkompromi dengan mana-mana penghuni yang menyewakan rumah yang disediakan oleh Kerajaan ini kepada pendatang asing dan kontrak penyewaan mereka akan ditamatkan serta-merta. Oleh yang demikian, Notis Amaran dan Penamatan telah dikeluarkan kepada penghuni-penghuni unit tersebut melalui PBN.